

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 28 Jun 2024



KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI

MEI 2024

LIMA NEGERI MENCATATKAN SUMBANGAN 80.9 PERATUS DARIPADA JUMLAH PERDAGANGAN PADA BULAN MEI 2024

PUTRAJAYA, 28 Jun 2024 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM246.3 bilion pada Mei 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM128.2 bilion dan RM118.1 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI MEI 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bernilai RM128.2 bilion pada Mei 2024, meningkat sebanyak RM8.7 bilion (+7.3%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM4.6 bilion), Pulau Pinang (+RM2.6 bilion), Selangor (+RM1.1 bilion), Perak (+RM779.7 juta), Sabah (+RM711.9 juta), Pahang (+RM549.8 juta), Terengganu (+RM533.5 juta), Negeri Sembilan (+RM340.9 juta) dan Kedah (+RM332.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM1.3 bilion, W.P. Labuan (-RM633.1 juta), Sarawak (-RM624.9 juta), Kelantan (-RM360.9 juta), Melaka (-RM201.1 juta) dan Perlis (-RM27.2 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 29.1 peratus, diikuti oleh Johor (23.3%), Selangor (18.2%), Sarawak (7.0%) dan Kedah (4.4%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Mei 2024 meningkat RM14.3 bilion (+13.8%) berbanding

bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM5.0 bilion), Pulau Pinang (+RM3.1 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.1 bilion), Kedah (+RM1.5 bilion), Melaka (+RM1.1 bilion), Selangor (+RM1.1 bilion), Negeri Sembilan (+RM816.4 juta), W.P. Labuan (+RM92.1 juta), Pahang (+RM89.2 juta), Kelantan (+RM39.6 juta), Perak (+RM34.3 juta) dan Perlis (+RM11.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Sarawak sebanyak RM659.3 juta, Terengganu (-RM157.0 juta) dan Sabah (-RM77.2 juta).


Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 25.4 peratus, diikuti oleh Johor (23.9%), Pulau Pinang (20.0%), W.P. Kuala Lumpur (7.7%) dan Kedah (5.5%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Mei 2023 – Mei 2024 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Mei 2024



STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI MEI 2024



5 NEGERI PENGEKSPORT UTAMA



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JUN 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT
FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE MAY 2024

**FIVE STATES REGISTERED A CONTRIBUTION OF 80.9 PER CENT
OF TOTAL TRADE IN MAY 2024**

PUTRAJAYA, 28 June 2024 – Malaysia's total trade for May 2024 amounted to RM246.3 billion with exports and imports recorded RM128.2 billion and RM118.1 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE MAY 2024**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM128.2 billion in May 2024, increased RM8.7 billion (+7.3%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in most states such as Johor (+RM4.6 billion), Pulau Pinang (+RM2.6 billion), Selangor (+RM1.1 billion), Perak (+RM779.7 billion), Sabah (+RM711.9 million), Pahang (+RM549.8 million), Terengganu (+RM533.5 million), Negeri Sembilan (+RM340.9 million) and Kedah (+RM332.4 million). However, exports decreased in W.P. Kuala Lumpur by RM1.3 billion, W.P. Labuan (-RM633.1 million), Sarawak (-RM624.9 million), Kelantan (-RM360.9 million), Melaka (-RM201.1 million) and Perlis (-RM27.2 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 29.1 per cent share, followed by Johor (23.3%), Selangor (18.2%), Sarawak (7.0%) and Kedah (4.4%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in May 2024 increased RM14.3 billion (+13.8%) as compared to the same month in 2023. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such

as Johor (+RM5.0 billion), Pulau Pinang (+RM3.1 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.1 billion), Kedah (+RM1.5 billion), Melaka (+RM1.1 billion), Selangor (+RM1.1 billion), Negeri Sembilan (+RM816.4 million), W.P. Labuan (+RM92.1 million), Pahang (+RM89.2 million), Kelantan (+RM39.6 million), Perak (+RM34.3 million) and Perlis (+RM11.4 million). However, imports decreased in Sarawak by RM659.3 million, Terengganu (-RM157.0 million) and Sabah (-RM77.2 million).

Selangor dominates Malaysia's imports with a share of 25.4 per cent, followed by Johor (23.9%), Pulau Pinang (20.0%), W.P. Kuala Lumpur (7.7%) and Kedah (5.5%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

**Chart 1: Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor,
May 2023 – May 2024 (RM Billion)**





Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, May 2024



EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE MAY 2024



TOP 5 EXPORTERS



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 JUNE 2024**